



AZITA (kiri) dan Azira meraih kejayaan besar dengan menyumbang 12 pingat emas buat skuad kanu Terengganu pada Sukma kali ini.

Ganjaran buat ibu bapa tunai umrah

“DUIT ini kami mahu hadiahkan kepada ibu dan ayah mengerjakan umrah.”

Demikian jawapan yang diberikan pasangan adik-beradik, Nor Azita dan Noor Azira Ibrahim yang menjadi kunci utama kejayaan Terengganu muncul juara keseluruhan acara kanu pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) 2014.

Azita yang berusia 18 tahun berjaya meraih tujuh pingat emas manakala kakaknya, Azira, 20, pula memenangi lima emas menjadikan jumlah keseluruhan 12 pingat emas buat mereka berdua.

Lebih membanggakan, Azita dan Azira bersama dua lagi pendayung Terengganu, Akmal Idayu Mat Razik dan Fatin Ajeerah Wahab berjaya memperbaharui rekod kebangsaan dalam acara K4 (kuartet) 500 wanita dengan catatan masa satu minit 59.12 saat, meleburkan rekod terdahulu

2:00.420s yang dilakarkan pada tahun 1997.

Kejayaan itu juga menyaksikan mereka bakal menerima imbuhan daripada kerajaan Terengganu yang menjanjikan ganjaran RM6,000 kepada setiap kilauan pingat emas yang dimenangi.

“Tak sangka pada awalnya tetapi atas usaha dan kerja keras selama ini, kami sedikit yakin mampu meraih kejayaan sebegini.

“Saya sangat gembira dengan kejayaan ini lebih-lebih lagi apabila menyumbangkan emas pertama dan terakhir kepada Terengganu dalam acara ini (sukan kanu).

“Ganjaran yang bakal saya dan kakak (Azira) terima nanti akan kami berikan kepada ibu dan ayah supaya mereka dapat menunaikan ibadah umrah,” kata Azita kepada pemberita kelmarin.

Sementara itu Azira mengakui yang dia dan adiknya itu turut bersaing sesama sendiri bagi membuktikan keupayaan masing-masing.

Biarpun secara peribadi Azira tewas, dia tetap berbangga dengan kejayaan Azita yang merupakan penerima pingat emas terbanyak dalam acara kanu pada penyertaan kali pertama mereka pada temasya kali ini.

“Saya gembira dengan adik (Azita) yang banyak menyumbangkan emas buat kontinjen Terengganu. Ini adalah kali pertama kami menyertai Sukma dan berharap dapat meneruskan lagi kejayaan ini pada masa akan datang.

“Saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak, terutamanya ibu bapa, rakan-rakan serta jurulatih yang sentiasa memberikan sokongan kepada kami,” jelasnya.

-KOSMO - 29/5/14